



## NEGERI TERENGGANU

### TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 [AKTA 171]

Tr. P.U. 28/90

**UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH KEMAMAN) 1989**

*mengandungi pindaan terkini - Tr. P.U. 6/97*

Tarikh penyiaran :  
Tarikh mula kuat kuasa :

20 Disember 1990  
20 Disember 1990

#### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

##### [Mukadimah.](#)

- Undang-undang Kecil 1. [Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.](#)
- Undang-undang Kecil 2. [Tafsiran.](#)
- Undang-undang Kecil 3. [Dilarang Menjaja tanpa lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 4. [Permohonan lesen.](#)
- Undang-undang Kecil 5. [Ukuran gerai.](#)
- Undang-undang Kecil 6. [Pemegang lesen tidak hadir.](#)
- Undang-undang Kecil 7. [Larangan.](#)
- Undang-undang Kecil 8. [Penjaja beredar.](#)
- Undang-undang Kecil 9. [Kereta tolak.](#)
- Undang-undang Kecil 10. [Kenderaan.](#)
- Undang-undang Kecil 11. [Penjaja beredar hendaklah sentiasa bergerak.](#)
- Undang-undang Kecil 12. [Pemeriksaan doktor.](#)
- Undang-undang Kecil 13. [Kebersihan.](#)
- Undang-undang Kecil 14. [Kayu api tidak dibenarkan.](#)
- Undang-undang Kecil 15. [Tong sampah hendaklah diadakan.](#)
- Undang-undang Kecil 16. [Sampah pepejal yang basah.](#)
- Undang-undang Kecil 17. [Pelupusan sampah.](#)
- Undang-undang Kecil 18. [Tumpahan bahan busuk.](#)
- Undang-undang Kecil 19. [Bayaran.](#)
- Undang-undang Kecil 20. [Penalti.](#)
- Undang-undang Kecil 21. [Penyitaan.](#)
- Undang-undang Kecil 22. [Tuntutan ke atas barang-barang yang disita.](#)

JADUAL PERTAMA.  
JADUAL KEDUA. .  
JADUAL KETIGA

SENARAI PINDAAN

## **Mukadimah.**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kemaman membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

### **Undang-undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.**

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kemaman) 1989** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kemaman sahaja dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### **Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.**

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:-

"barang-barang" termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk keuntungan;

"gerai" termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, setor, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga, dinding papan tunjuk dari apa-apa juga jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya samada mudahaleh atau bukan mudahaleh dan samada beroda ataupun tidak, yang mana di atas atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di jual atau didedahkan dijual di mana-mana tempat persendirian atau awam;

"gerai berkunci" ertinya gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

"kenderaan" termasuklah apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, motor, lori, vesel, bot atau rakit yang dipadankan atau di gunakan bagi maksud menjaja;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kemaman.

"penjaja" termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

"penjaja beredar" ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari tempat, ke setempat untuk mendedahkan, membahagi-bahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

"penjaja sementara" ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

"penjaja statik" ertinya seseorang yang mendirikan gerai disesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

"pemegang lesen" ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil ini.

"tempat awam" ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan samada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kemaman dan termasuk Timbalan Yang Dipertua.

### **Undang-undang Kecil 3. Dilarang Menjaja tanpa lesen.**

Tiada seorang boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.

### **Undang-undang Kecil 4. Permohonan lesen.**

(1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Di mana permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta pemohon memberi dua keping gambar foto saiz paspot dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah di dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap lesen, selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan:-

(a) tempoh sahnya lesen itu;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Yang Dipertua patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Yang Dipertua boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa disesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(9) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya apabila lesen itu tamat tempohnya, dimansuhkan, dibatalkan, atau digantung, kepada Yang Dipertua.

### **Undang-undang Kecil 5. Ukuran gerai.**

(1) Tiada sesuatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada sesuatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

### **Undang-undang Kecil 6. Pemegang lesen tidak hadir.**

(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh 30 hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang penama mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkan patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Jika seseorang penama bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah terletak ke

atas penama tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran undang-undang kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Bayaran sebanyak lima ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang penama.

### **Undang-undang Kecil 7. Larangan.**

(1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya:-

(a) dalam lengkongan sembilan meter dari simpang jalan;

(b) dalam lengkongan tiga puluh desimeter dari pili; atau

(c) di atas tangga, kakilima atau tempat laluan awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau menganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan, lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana orang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

(4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

### **Undang-undang Kecil 8. Penjaja beredar.**

Tiada seseorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

### **Undang-undang Kecil 9. Kereta tolak.**

Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi ukuran lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya hendaklah tidak menganjur keluar tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu.

### **Undang-undang Kecil 10. Kenderaan.**

Jika kenderaan digunakan oleh penjaja beredar ia hendaklah berukuran atau berbentuk sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

### **Undang-undang Kecil 11. Penjaja beredar hendaklah sentiasa bergerak.**

Tiada seorang penjaja beredar boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa bergerak.

### **Undang-undang Kecil 12. Pemeriksaan doktor.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

### **Undang-undang Kecil 13. Kebersihan.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga:-

- (a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (b) Gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan bebas dari kekotoran dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.
- (c) kebersihan kawasan persekitarannya.

#### **Undang-undang Kecil 14. Kayu api tidak dibenarkan.**

Tiada seorang penjaja boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

#### **Undang-undang Kecil 15. Tong sampah hendaklah diadakan.**

Tiap-tiap penjaga hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup sebagaimana perlu sebagai tempat mengisi sampah.

#### **Undang-undang Kecil 16. Sampah pepejal yang basah.**

Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah.

#### **Undang-undang Kecil 17. Pelupusan sampah.**

Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

#### **Undang-undang Kecil 18. Tumpahan bahan busuk.**

Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.



## **Undang-undang Kecil 19. Bayaran.**

Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

## **Undang-undang Kecil 20. Penalti.**

Seseorang yang bertindak sebagai penaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

## **Undang-undang Kecil 21. Penyitaan.**

(1) Apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai penaja di bawah undang-undang kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan dipindahkan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan atas risiko pemunya.

(2) Apa-apa barang yang mudah rosak tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

## **Undang-undang Kecil 22. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita.**

Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 21, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tiga bulan dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh tiga bulan yang dinyatakan itu. Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut.

## **JADUAL PERTAMA.**

(Undang-undang Kecil 8)

1. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lengkungan empat puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diuntukkan bagi penjaja-penjaja.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
4. Kawasan sekitar semua bangunan pejabat Kerajaan dan tempat-tempat awam.
5. Semua bahagian jalan-jalan awam yang akan ditentukan oleh Yang Dipertua.

## **JADUAL KEDUA.**

(Undang-undang Kecil 19)

Fee Lesen

*Jenis Penjaja*

*Kadar Bayaran Lesen  
Cadangan  
RM*

1. Penjaja beredar:

(a) Tanpa kereta

10.00/tahun

(b) Berkereta:

(b. 1) Kereta tolak

10.00/tahun

(b. 2) Basikal

20.00/tahun

(b. 3) Basikal roda tiga

30.00/tahun

(b. 4) Motosikal (roda dua)

40.00/tahun

(b. 5) Motosikal (roda tiga)	50.00/tahun
(b. 6) Kenderaan beroda empat	60.00/tahun
(b. 7) Kereta tolak di pusat penjaja	70.00/tahun
(c) Penjaja beredar sementara:	
(c. 1) Berkereta	5.00/tahun
(c. 2) Tanpa kereta	2.00/tahun

## 2. Penjaja statik:

### 2.1 Gerai di atas Tanah Kerajaan atau tempat awam:

(a. 1) Keluasan kurang daripada 15mps.	100.00/tahun
(a. 2) Keluasan lebih daripada 15 mps. dan kurang daripada 20 mps.	120.00/tahun
(a. 3) Keluasan melebihi 20 mps.	150.00/tahun

### 2.2 Gerai di atas tanah persendirian:

(b. 1) Keluasan kurang daripada 15mps.	120.00/tahun
(b. 2) Keluasan lebih daripada 15 mps. dan kurang daripada 20 mps.	140.00/tahun
(b. 3) Keluasan melebihi 20 mps.	160.00/tahun

### 2.3 Penjaja statik menggunakan kereta:

(a. 1) Keluasan kurang daripada 3 mps.	30.00/tahun
(a. 2) Keluasan melebihi 3 mps.	60.00/tahun

### 2.4 Gerai berkunci:

(a. 1) Gerai makanan	120.00/tahun
(a. 2) Gerai bukan makanan	50.00/tahun

3. Penjaja sementara:

3.1. Keluasan kurang daripada 2 mps.	2.00/hari
3.2. Keluasan lebih daripada 2 mps. dan kurang daripada 4 mps.	4.00/hari
3.3 Keluasan melebihi 4 mps.	6.00/mps/hari

4. Petak peraga di dinding:

4.1. Keluasan kurang daripada 2 mps.	20.00/tahun
4.2. Keluasan setiap 1 mps. yang melebihi daripada 2 mps.	10.00/tahun

[Gan. Tr. P.U. 6/97]

**JADUAL KETIGA.**

(Undang-undang Kecil 22)

1. Memindahkan gerai atau barang-barang	RM100.00
2. Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang	RM10.00 sehari

Diperbuat oleh Majlis Daerah Kemaman di dalam mesyuaratnya pada 8 Ogos, 1989.  
[M.D.K. 1202 sj. 4]

HARUN BIN HASAN,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Kemaman*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 4.4.1990.  
[SUK. TR. 1200/354/5, PUN. TR. (s) 85/3/1]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.*  
*Terengganu*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuatkuasa dari*

Akta 160

Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975

[Tr. P.U. 6/97](#)

Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis  
Daerah Kemaman) (Pindaan) 1996

01-01-1996